

# GARIS PANDUAN MELAKUKAN KERJA PANAS

---

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan, pemahaman dan rujukan kepada setiap individu atau kontraktor yang dilantik melakukan kerja-kerja panas di dalam kawasan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

## 2.0 SKOP

Garis panduan ini digunakan bagi setiap Kerja Panas di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

## 3.0 RUJUKAN

- 3.1 Seksyen 15 dan 24 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- 3.2 Peraturan 32 (e), (f), dan (g), Peraturan-peraturan (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) Kilang dan Jentera.

## 4.0 DEFINISI / SINGKATAN

JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
SIRIM	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.
Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
Pejabat OSHE	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
PTW	Permit to Work. Kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Pejabat OSHE kepada kontraktor yang menjalankan Kerja Panas di dalam kawasan Universiti.
ePTW	Permit to Work secara dalam talian ( <i>on-line</i> ).
Hazard	Punca atau keadaan yang berpotensi mengakibatkan kemudaratan kepada manusia sama ada kecederaan atau penyakit, kemusnahan harta benda, kerosakan persekitaran tempat kerja atau gabungannya.
PPE	<i>Personal Protective Equipment</i> . Peralatan Perlindungan Diri yang dipakai bagi mengelakkan kecederaan semasa melakukan Kerja Panas seperti Topi Kimpalan ( <i>Welding Helmet</i> ), Perisai Tangan ( <i>Hand Shield</i> ), Cermin Mata Perlindungan ( <i>Goggles</i> ), Bantuan Alat Pernafasan ( <i>Respirators</i> ), Apron dan Sarung Tangan Kalis Api ( <i>Fire Resistance Aprons and Glove</i> ) serta Kasut Keselamatan ( <i>Safety Boots</i> ).

Kerja Panas	Kerja-kerja yang menggunakan api, nyalaan atau kerja-kerja yang melibatkan penggunaan haba melalui peralatan. Contohnya kerja-kerja pemotongan ( <i>cutting</i> ), kimpalan ( <i>welding</i> ) dan pematerian ( <i>soldering/brazing</i> ) yang melibatkan penggunaan gas mudah alih atau peralatan kimpalan arka.
SOP Kerja Panas	<i>Safety Operating Procedures</i> . Prosedur Kerja Selamat yang disediakan bagi memastikan keselamatan semasa Kerja Panas dilakukan.

## 5.0 SEBELUM MELAKUKAN KERJA PANAS

- 5.1 Pihak kontraktor perlu memohon ePTW Kerja Panas ke Pejabat OSHE sekurang-kurangnya 3 hari sebelum memulakan kerja dengan menyediakan semua dokumen yang berkaitan.
- 5.2 Pihak kontraktor hendaklah memastikan setiap pekerja yang terlibat di dalam Kerja Panas mempunyai tahap kesihatan yang baik.
- 5.3 Setiap pekerja yang terlibat di dalam Kerja Panas hendaklah mengikuti Taklimat Keselamatan dari Pegawai Pejabat OSHE.
- 5.4 Setiap pekerja hendaklah terdiri dari individu yang terlatih dan berkemahiran di dalam menggunakan peralatan Kerja Panas.
- 5.5 Pihak kontraktor hendaklah memastikan kawasan sekitar Kerja Panas bebas dari bahan-bahan mudah terbakar.
- 5.6 Pihak kontraktor hendaklah menyediakan Alat Pemadam Api mudah alih bersesuaian sebagai langkah keselamatan.
- 5.7 Pihak kontraktor hendaklah membuat pemeriksaan terhadap peralatan kerja dan mesin kimpalan yang digunakan sebelum memulakan kerja.

## 6.0 SEMASA MELAKUKAN KERJA PANAS

- 6.1 Setiap pekerja hendaklah menggunakan PPE yang disahkan oleh JKKP/SIRIM semasa melakukan Kerja Panas.
- 6.2 Pihak kontraktor hendaklah menyediakan papan tanda keselamatan / tanda amaran di kawasan Kerja Panas.
- 6.3 Pihak kontraktor hendaklah memastikan pbumian dilakukan dengan betul.
- 6.4 Setiap pekerja yang terlibat dengan aktiviti Kerja Panas hendaklah mematuhi Prosedur Kerja Selamat.

- 6.5 Setiap pekerja hendaklah tidak cuai dan bergurau ketika menggunakan peralatan yang tajam atau panas ketika menjalankan kerja.
- 6.6 Pihak kontraktor hendaklah memastikan kawasan Kerja Panas hendaklah dalam keadaan kering sepanjang tempoh kerja dilakukan.
- 6.7 Pihak kontraktor hendaklah memastikan kawasan Kerja Panas mempunyai pengudaraan yang baik bagi mengelakkan pekerja terdedah atau terhidu asap kimpalan.
- 6.7 Pihak kontraktor hendaklah memberhentikan aktiviti Kerja Panas dengan serta merta sekiranya berlaku sebarang insiden kemalangan dan perlu memaklumkan kepada Pejabat OSHE dengan kadar segera.

## **7.0 SELEPAS MELAKUKAN KERJA PANAS**

- 7.1 Pihak kontraktor hendaklah memastikan suis mesin kimpalan dimatikan (*off suis*).
- 7.2 Pihak kontraktor hendaklah memastikan kawasan Kerja Panas dikemas (peralatan, pemasangan sementara) dan dibersihkan (sisa kimpalan dan pemotongan) dengan baik.